

SULIT
3757/1
EKONOMI
ASAS
KERTAS 1
OKTOBER
2003
1 JAM

3757/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2003

TINGKATAN EMPAT

EKONOMI ASAS

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
- 2. Jawab semua soalan*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Arahan : Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh *empat* jawapan pilihan. Pilih *satu* jawapan yang tepat atau yang terbaik bagi tiap-tiap soalan.

1. Kewujudan ilmu ekonomi adalah berasaskan kepada ...
- A. usaha manusia untuk menyesuaikan pelbagai keinginan dengan sumber ekonomi yang sedia ada.
 - B. usaha manusia untuk memenuhi keperluan dan kehendak untuk mencapai kepuasan.
 - C. usaha manusia dalam menggunakan sumber ekonomi yang ada.
 - D. usaha manusia untuk meningkatkan taraf hidup.

Soalan 2 berdasarkan maklumat di bawah ini.

- *kegunaan bersama*
- *ditawarkan kepada golongan tertentu sahaja*

2. Apakah jenis barang yang dimaksudkan di atas ini?
- A. barang awam
 - B. barang awam dan barang ekonomi
 - C. barang percuma
 - D. barang ekonomi

Soalan 3 berdasarkan Jadual 1 di bawah ini.

Projek yang akan dijalankan oleh kerajaan	Kos (RM juta)
Sekolah	2
Hospital	5
Lapangan terbang	15
Lebuhraya	8

Jadual 1

3. Kerajaan mempunyai peruntukan perbelanjaan sebanyak RM15 juta. Jika kerajaan memilih untuk membina lapangan terbang, apakah kos lepas yang terlibat?
- A. sekolah dan hospital
 - B. lebuhraya dan hospital
 - C. sekolah dan lebuhraya
 - D. sekolah, hospital dan lebuhraya

Soalan 4 berdasarkan maklumat di bawah ini.

Kerajaan mempunyai sumber kewangan sebanyak RM200 juta yang boleh digunakan untuk membina sama ada Lapangan Terbang Antarabangsa Utara atau 10 buah sekolah bestari.


4. Berdasarkan maklumat di atas, apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan?
- | | |
|--------------|------------------------|
| A. pilihan | C. kekurangan |
| B. kos lepas | D. kepuasan masyarakat |

Soalan 5 berdasarkan maklumat di bawah ini.

Firma cakera padat telah menetapkan jumlah keluaran sebanyak 10 000 unit untuk peminat lagu bagi bulan Julai.

5. Dari sudut ekonomi, firma tersebut telah dapat menyelesaikan masalah ...
- | | |
|---|-------------------|
| I. berapa banyak barang yang hendak dikeluarkan | C. I, III dan IV |
| II. jenis barang yang hendak dikeluarkan | D. II, III dan IV |
| III. untuk siapa barang dikeluarkan | |
| IV. teknik barang dikeluarkan | |
- | | |
|------------------|-------------------|
| A. I, II dan III | C. I, III dan IV |
| B. I, II dan IV | D. II, III dan IV |
6. "Hari Raya Puasa menjelang tiba." Pernyataan ini memberi isyarat kepada pengeluar berhubung dengan masalah ...
- | |
|--|
| A. apa dan berapa banyak barang yang hendak dikeluarkan. |
| B. untuk siapa barang hendak dikeluarkan. |
| C. bagaimana barang hendak dikeluarkan. |
| D. berapa banyak keuntungan yang akan diperolehi. |
7. Sistem ekonomi kapitalis lebih baik daripada sistem ekonomi perancangan pusat kerana...
- | | |
|--|---------------|
| I. persaingan bebas akan mewujudkan kualiti barang yang lebih baik dan harga barang yang lebih rendah. | C. II dan IV |
| II. pengeluar mendapat petunjuk dari tingkat harga di pasaran, maka sumber ekonomi diperuntukkan dengan lebih cekap. | D. III dan IV |
| III. motif utama adalah untuk menjaga kepentingan masyarakat. | |
| IV. pemilikan harta secara persendirian akan mewujudkan monopoli terhadap sumber-sumber dalam ekonomi. | |
- | | |
|--------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan IV |
| B. I dan III | D. III dan IV |

Soalan 8 berdasarkan Rajah 1 di bawah ini.



Rajah 1

8. Rajah di atas ini menunjukkan mekanisme harga dan kerajaan menyelesaikan masalah ketidakstabilan sumber ekonomi dalam sistem ekonomi X. Apakah sistem ekonomi X itu?
- sistem ekonomi perancangan pusat
 - sistem ekonomi Islam
 - sistem ekonomi kapitalis
 - sistem ekonomi campuran
9. Antara yang berikut yang manakah yang benar tentang ciri-ciri barang kehendak?
- individu mementingkan kualiti sesuatu barang kehendak
 - individu wajib untuk memiliki barang kehendak
 - permintaan terhadap barang kehendak tidak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan individu
 - individu berasa lega dan selesa apabila memiliki barang kehendak
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

Soalan 10 berdasarkan maklumat yang berikut.

*Upah wang ialah RM 3 000
 Harga barang W = RM6 seunit
 Harga barang X = RM3 seunit
 Harga barang Y = RM6 seunit*

10. Berapakah upah benar?
- RM300
 - RM500
 - RM600
 - RM1 000

Soalan 11 berdasarkan maklumat di bawah ini.

"Yayasan Hong Leong (YHL) Kulim memperkenalkan Skim Penuntut Angkat Tahun 2000 dalam usahanya membantu pelajar yang kurang mampu, baru-baru ini. Menerusi skim itu, Yayasan menyalurkan bantuan kewangan kepada 100 orang pelajar dengan masing-masing menerima RM100.

Sumber : Berita Harian 25 Julai 2000

11. Berdasarkan maklumat di atas, RM100 yang diterima oleh setiap pelajar ialah...
- elaun
 - komisen
 - bayaran pindahan
 - bonus
12. Encik Adam Lukman ialah seorang peniaga pasar malam. Pendapatan bulannya ialah RM2 200. Dia mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah dan isterinya tidak bekerja. Dia mencarum kepada KWSP sebanyak RM200 sebulan dan menabung sebanyak RM300.

Jadual Pelepasan Cukai

Diri sendiri	RM8 000
Isteri	RM3 000
Anak	RM800 setiap orang

Berdasarkan maklumat di atas, hitung pendapatan boleh cukai Enck Adam Lukman.

- A. RM10 600
B. RM12 400
C. RM15 600
D. RM16 800

13. Mengapakah belanjawan peribadi diperlukan oleh seseorang individu?
A. perbelanjaan ke atas barang mengikut kepentingan
B. pendapatan individu boleh bertambah
C. perbelanjaan ke atas barang mengikut jumlah tabungan
D. pinjaman daripada saudara-mara dapat dirancangan


Soalan 14 berpandukan Jadual 2 di bawah ini.

Pekerja	Peratus
Penyelia ladang	30
Pekerja hutan	5
Kontraktor rumah	25
Penyelia pengeluaran	15
Fomen	10
Doktor	15

Jadual 2

14. Berapakah peratus pekerjaan di bawah sektor utama dan sektor ketiga?
A. 35%
B. 45%
C. 50%
D. 60%

Soalan 15 berdasarkan Rajah 2 di bawah ini.



Rajah 2

15. Mengapakah gaji dua pekerja tersebut berbeza?
- I. tingkat tanggungjawab
 - II. pengalaman bekerja
 - III. suasana tempat kerja
 - IV. kekuatan kesatuan sekerja
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
16. Antara pernyataan yang berikut yang manakah yang benar tentang tabungan?
- I. sebahagian daripada pendapatan boleh guna yang tidak dibelanjakan
 - II. tabungan dilakukan apabila perbelanjaan melebihi pendapatan boleh guna
 - III. sebahagian wang yang digunakan untuk membeli bahan mentah
 - IV. tabungan meningkat jika penggunaan individu berkurang dan pendapatan boleh gunanya tetap
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
17. Aktiviti pelaburan termasuk...
- A. membeli saham di Bursa Saham Kuala Lumpur
 - B. membeli bon kerajaan
 - C. membeli polisi insurans nyawa
 - D. membeli getah asli oleh syarikat tayar

Soalan 18 berdasarkan maklumat di bawah ini.

Negara Malaysia telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat kebelakangan ini.


18. Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor utama sesebuah firma melakukan pinjaman?
- A. untuk mengurangkan bayaran cukai
 - B. untuk membiayai perbelanjaan semasa
 - C. untuk meningkatkan produktiviti
 - D. untuk menambahkan modal perniagaan
19. Cik Fatin Anis dan Cik Amira membeli-belah di pasar raya dengan objektif yang sama, iaitu...
- A. untuk mendapat untung maksimum
 - B. untuk memenuhi kepuasan minimum
 - C. untuk memenuhi utiliti maksimum
 - D. untuk menjimatkan perbelanjaan

20. Antara yang berikut, yang manakah yang menunjukkan hubungan antara jumlah utiliti dengan utiliti sut sesuatu barang?

	Jumlah Utiliti	Utiliti Sut
A	semakin menurun	bernilai positif dan semakin menurun
B	semakin meningkat	bernilai positif dan semakin menurun
C	mencapai maksimum	bernilai lebih daripada kosong
D	semakin meningkat	bernilai negatif dan semakin menurun

21. Apakah yang dimaksudkan dengan permintaan?
- barang yang mampu dibeli oleh isi rumah pada dua tingkat harga dan pada satu jangka masa tertentu
 - barang yang mampu dikeluarkan pada satu tingkat harga dan pada satu jangka masa tertentu
 - barang yang ingin dibeli oleh pengguna pada satu jangka masa tertentu
 - barang yang mampu dibeli oleh individu pada satu tingkat harga dan pada satu jangka masa tertentu

Soalan 22 berdasarkan Rajah 3 di bawah ini.



22. Rajah di atas menunjukkan keluk permintaan bagi meja plastik. Apakah faktor yang menyebabkan perubahan kuantiti daripada Q_2 kepada Q_1 ?
- pendapatan boleh guna bertambah
 - harga barang penggenap jatuh
 - harga barang tersebut naik
 - cita rasa pengguna telah berubah
23. Jika keluk permintaan individu berkeanjalan harga permintaan satu, maka keadaan ini akan menyebabkan...
- jumlah perbelanjaan pengguna berkurang
 - jumlah perbelanjaan tidak dapat ditentukan
 - jumlah perbelanjaan pengguna bertambah
 - jumlah perbelanjaan pengguna tetap

Soalan 24 berdasarkan Jadual 3 di bawah ini.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
60	8
50	10
20	14

Jadual 3

24. Jadual di atas menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti yang diminta bagi barang X. Apakah sifat keanjalan harga permintaan jika harga telah meningkat daripada RM20 kepada RM60?
- A. anjal sifar
B. anjal
C. anjal satu
D. tidak anjal
25. Barang A berkeanjalan satu. Apabila harga barang A RM0.50 seunit, kuantiti diminta ialah 100 unit. Berapakah kuantiti yang akan dibeli apabila harga barang A naik kepada RM1.00 seunit?
- A. 50 unit
B. 75 unit
C. 100 unit
D. 125 unit
26. Cik Irdina menurunkan 20% daripada harga barang jualannya yang bersifat anjal harga. Apakah kesan kepada permintaan barang itu?
- A. meningkat sebanyak 20%
B. meningkat lebih daripada 20%
C. meningkat kurang daripada 20%
D. menurun lebih daripada 20%
27. Antara yang berikut, yang manakah matlamat utama yang ingin dicapai oleh Encik Faisal dan Encik Faiez yang berkongsi mengeluarkan baju T?
- A. untuk memaksimumkan keluaran
B. untuk menguasai pasaran tempatan dan antarabangsa
C. untuk memaksimumkan keuntungan
D. untuk memaksimumkan kepuasan
28. Input berubah boleh ditakrifkan sebagai...
- A. input yang tidak akan berubah apabila tingkat keluaran berubah
B. input yang tidak akan berubah apabila kos pengeluaran firma berubah.
C. input ini ditanggung oleh firma dalam jangka panjang
D. input yang akan menjadi sifar apabila firma tidak beroperasi

Soalan 29 berdasarkan Jadual 4 di bawah ini.

Kuantiti mesin	Bilangan buruh	Jumlah keluaran
2	0	0
2	1	18
2	2	28
2	3	50
3	4	66
4	5	80
5	6	85

Jadual 4

29. Bilakah berlakunya perubahan fungsi pengeluaran daripada jangka masa pendek kepada jangka masa panjang?
- pada jumlah keluaran kurang daripada 28 unit
 - pada jumlah keluaran lebih daripada 50 unit
 - apabila penggunaan mesin pada 2 unit
 - apabila kuantiti mesin dan bilangan buruh yang digunakan bernilai sama
30. Fungsi pengeluaran merujuk kepada...
- hubungan antara faktor pengeluaran dengan kos pengeluaran
 - hubungan antara faktor pengeluaran dengan jumlah kos berubah
 - hubungan antara tingkat keluaran berkurang apabila faktor pengeluaran bertambah
 - hubungan antara tingkat keluaran berubah apabila faktor berubah yang digunakan berubah dengan tingkat teknologi yang tetap

Soalan 31 dan 32 berdasarkan Jadual 5 di bawah ini.

Output	Jumlah Kos (RM)
0	200
4	300
8	380
12	440
16	480


Jadual 5

31. Berapakah kos sut bagi keluaran ke-16?
- RM10
 - RM15
 - RM20
 - RM40
32. Berapakah kos tetap dan kos berubah untuk mengeluarkan 12 unit output?

	Kos Tetap (RM)	Kos Berubah (RM)
A	100	340
B	200	340
C	200	240
D	100	240

33. Keluk penawaran sebuah firma akan beralih ke kanan apabila...
- harga barang itu naik
 - jangkaan harga pada masa depan akan jatuh
 - kempen jualan yang agresif
 - kerajaan menarik balik subsidi baja

34.







Rajah 4 menunjukkan sebuah keluk penawaran. Berapakah nilai Y jika keanjalan harga penawaran ialah 0.5?

- | | |
|----------|----------|
| A. RM150 | C. RM410 |
| B. RM200 | D. RM500 |


Soalan 35 berdasarkan maklumat di bawah ini.

- Harga sekilogram buah anggur ialah RM10.00
- Puan Hairani membeli 3 kilogram buah anggur
- Puan Marina membeli 4 kilogram buah anggur
- Puan Noritta dan Puan Wan Bahariah masing-masing membeli 2 kilogram anggur seorang.

35. Antara rajah yang berikut, yang manakah mewakili keadaan permintaan pasaran bagi buah anggur itu?




Soalan 36 berdasarkan Rajah 5 di bawah ini.



Rajah 5

36. Rajah 5 menunjukkan keluk-keluk penawaran individu iaitu P, Q dan R. S pula ialah keluk penawaran pasaran. Kira nilai Z.
- | | |
|------------|------------|
| A. 10 unit | C. 40 unit |
| B. 20 unit | D. 90 unit |

Soalan 37 berdasarkan Rajah 6 di bawah ini.



Rajah 6

37. Berdasarkan rajah di atas, titik E menggambarkan yang berikut, kecuali...
- keadaan pasaran yang tidak wujud lebih
 - harga ditentukan oleh pengguna dan penjual
 - harga tidak akan berubah apabila berlaku perubahan permintaan
 - harga keseimbangan terjadi apabila kedua-dua keluk itu bersilang


Soalan 38 berdasarkan Jadual 6 di bawah ini.

Harga (RM)	Permintaan Individu (Unit)		
	Nadirah	Norbaya	Nabilah
15	40	25	30
20	35	20	25
25	30	18	22
30	28	15	20

Jadual 6

38. Keseimbangan dicapai pada tingkat harga RM20. Berapakah kuantiti penawaran pasaran pada tingkat harga keseimbangan itu?
- A. 100 unit
B. 80 unit
C. 88 unit
D. 85 unit
39. Antara yang berikut, yang manakah menggambarkan aliran pusingan pendapatan?
- I. aliran pusingan hanya melibatkan dua sektor sahaja iaitu isi rumah dan kerajaan
II. aliran bayaran kepada faktor pengeluaran ialah daripada sektor firma kepada sektor isi rumah
III. pendapatan isi rumah merupakan aliran wang
IV. dalam pasaran faktor, keluk penawaran mewakili sektor isi rumah
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

Soalan 40 berdasarkan Rajah 7 di bawah ini.



Rajah 7

40. Antara yang berikut, yang manakah yang benar tentang Rajah 7?
- I. pasaran U ialah pasaran buruh dan V ialah pasaran barang dan perkhidmatan
II. pasaran U menentukan harga barang dan perkhidmatan dan pasaran V menentukan upah buruh
III. pasaran U menentukan sewa tanah dan pasaran V menentukan harga barang dan perkhidmatan
IV. pasaran U menentukan harga barang dan perkhidmatan dan pasaran V menentukan harga faktor
- A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV